

**DEWAN LULUS RANG UNDANG<sup>2</sup> DENGAN MAJORITI 124 UNDI**

# Ahli Dewan letak jawatan tak boleh tanding 5 tahun

**K**UALA LUMPUR 14 Mac — Dewan Rakyat malam ini meluluskan dengan majoriti 124 undi Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) bagi mengisytiharkan ahli-ahlinya yang meletakkan jawatan sebagai kehilangan kelayakan untuk bertanding semula bagi tempoh lima tahun.

Peruntukan itu juga dikuatkuasakan bagi ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk tempoh yang sama.

Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad semasa menggulung perbahasan di Dewan Rakyat malam ini berkata kerajaan mengambil langkah menghalang ahli-ahli Dewan dari meletakkan jawatan bagi mengelakkan pemba-

ziran wang rakyat.

UM 13 MAR 1990  
"Kita tidak melakukannya kerana kepentingan semasa tetapi kerana merasa bertanggungjawab untuk membetulkan sesuatu yang pada pandangan kita tidak mendatangkan manfaat," tegas Dato' Sri Dr. Mahathir.

Setelah membahaskannya selama lebih lima jam, Dewan malam ini meluluskannya dengan majoriti 124 undi manakala 26 orang tidak bersetuju. Tidak ada ahli Dewan yang tidak mengundi.

Semasa pengiraan undi dilakukan pada kira-kira jam 9.30 malam, dewan persidangan dipenuhi dengan para penyokong kerajaan, ahli-ahli pembangkang dari DAP dan wakil tunggal PAS kawasan Pengkalan Chepa, Haji Abdullah Arshad. Parti Semangat 46 bagaimanapun hanya diwakili oleh Dato' Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) dan Dato' Saidin Mat Piah (Tasik Cenderuh).

Menerusi Fasal (6) yang dimasukkan ke dalam Perkara 48 itu, seseorang ahli Dewan Rakyat yang meletakkan jawatan akan hilang kelayakannya untuk bertanding semula untuk tempoh selama lima tahun.

Pindaan ke atas Jadual Lapan pula akan menyebabkan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri hilang kelayakannya untuk tempoh yang sama.

Menurut Perdana Menteri, tempoh kehilangan kelayakan itu akan dikira

**LIHAT MUKA 2**

## Tak boleh tanding 5 tahun

UM 15 MAR 1990

dari tarikh perletakan jawatan ahli-ahli berkenaan.

Kata beliau, pada masa ini tidak ada peruntukan yang menghalang seseorang ahli Dewan atau ahli Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan dan kemudian bertanding semula dalam pilihanraya yang diadakan bagi kerusi yang dikosongkannya itu.

Semasa penggulungannya, Perdana Menteri ditanya oleh Dr. Tan Seng Giaw (DAP - Kepong) bahawa kerajaan sebelum ini pernah berjanji tidak akan menghalang sesiapa juga dari bertanding.

Dato' Sri Dr. Mahathir menjawab, kadang-kadang dalam politik, ahli-ahlinya perlu membuat kajian semula.

"Pada satu-satu masa kita buat sesuatu pendapat dan setelah dikaji kita buat pendapat lain.

"Kita begitu toleran dan kadang-kadang kita buat keputusan yang membatalkan keputusan dulu. Ini berlaku di seluruh dunia termasuk di Britain dan di Amerika Syarikat," kata Perdana Menteri.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, ahli Johor Baharu juga sebelum ini sering menyebut bahawa kuasa sebenar berada pada rakyat.

Tetapi kuasa rakyat

yang sebenar adalah terletak pada rakyat seluruh negara dan bukan di sesebuah kawasan Johor Baharu atau Pengkalan Chepa sahaja.

Pilihanraya kecil adalah untuk mengisi kekosongan. Pilihanraya yang hendak menguji populariti bukan tujuannya tetapi adalah untuk mengisi kerusi supaya dapat menjadi kerajaan, ujar beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga menjelaskan kepada Dewan bahawa demokrasi sebenarnya tidak mempunyai tafsiran yang tepat. Demokrasi di Britain umpamanya tidak sama dengan demokrasi di Amerika Syarikat.

Di Britain sistemnya memperuntukkan kuasa kepada Perdana Menteri manakala di Amerika Syarikat Presiden dipilih secara berasingan dari Kongres.

Di dua tiga negara Eropah ada sistem yang digelar perwakilan yang seimbang. Ini pun dikatakan demokrasi. Di Malaysia kita tentukan melalui demokrasi rakyat diberi hak untuk memilih siapa menjadi kerajaan, tegasnya.

Mengenai soal darurat yang ditimbulkan di dalam perbahasan oleh Ketua Pembangkang Encik Lim Kit Siang, Perdana Menteri berkata perban-

dangan yang dibuat dengan Afrika Selatan adalah berbeza keadaannya.

Di negara berkenaan, katanya yang ada hak memilih ialah orang-orang kulit putih dan undang-undang dibuat untuk orang-orang yang tidak ada hak mengundi.

Di Malaysia, tambahnya rakyat masih memberi sokongan mereka setelah undang-undang dibuat. Ini bermakna rakyat ber-setuju dengan undang-undang darurat.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata kerajaan sedar akan tanggungjawabnya dan akan mengkaji peraturan darurat yang dikuatkuasakan sekarang.

Beliau menjelaskan demikian bagi menjawab soal Encik Lim yang menimbulkan sokongan Perdana Menteri kepada Nelson Mandela yang mana pejuang nasionalis Afrika Selatan itu sendiri semasa dibebaskan baru-baru ini telah menyeru kerajaan di negara berkenaan memansuhkan peraturan darurat.

Di negara ini kata Perdana Menteri, DAP telah mendapat banyak kebebasan termasuk kebebasan akhbar tapi apa pendapat mereka bila Semangat 46 membakar akhbar?